

Malaysia perlu ikut sistem ukuran Singapura, tangani penyakit akibat jerebu

Selaraskan bacaan IPU negara

Kosmo
MIS 16
3/10/2015

GEORGETOWN – Jabatan Alam Sekitar dan pihak hospital perlu berbincang bagi memutuskan penggunaan teknologi kadar ukuran Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya berkata, bacaan yang diguna di Malaysia pada masa ini adalah lebih rendah dan membuatkan orang ramai mengambil mudah perkara berkaitan jerebu.

“Bacaan (IPU) kita rendah dan apabila rendah, kita biarkan. Kalau bacaan IPU tinggi (seperti di Singapura), kita masih rendah dan sebab itulah tidak melakukan pencegahan kesihatan awal.

“Jadi saya harap kementerian dan pihak hospital berbincanglah supaya mungkin kita boleh men-

jadikan bacaan sama dengan negara jiran,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Jantung Sedunia 2015 di Hospital Pulau Pinang di sini semalam.


Parameter IPU yang digunakan Malaysia ketika ini adalah berdasarkan habuk halus bersaiz kurang dari 10 mikrometer (PM10) berbanding bacaan 2.5 mikrometer (PM2.5) mengikut protokol antarabangsa.

Kiraan IPU berdasarkan PM2.5 akan memberi bacaan lebih tinggi berbanding PM10.

Malaysia dilaporkan akan melaksanakan sistem IPU sepenuhnya seperti Singapura yang menggunakan pengukuran pencemaran 2.5 mikrometer selewat-lewatnya pada 2017. – Bernama



HILMI



KEADAAN berjerebu dengan bacaan IPU 84 menjejaskan pemandangan bangunan pencakar langit dari jarak jauh di ibu kota Kuala Lumpur semalam.

INFO IPU (sehingga pukul 5 petang)

Selangor	
Banting	95
Pelabuhan Klang	82
Shah Alam	79
Petaling Jaya	80
Kuala Selangor	61
Kuala Lumpur	
Batu Muda	84
Putrajaya	88
Johor	
Pasir Gudang	89
Kota Tinggi	75
Larkin Lama	90
Sarawak	
Samarahan	73
Negeri Sembilan	
Port Dickson	102
Nilai	91
Seremban	100
Melaka	
Bukit Rambai	104
Bandaraya Melaka	101

Jerebu tidak jejkaskan bekalan sayur, haiwan ternakan

KUALA LUMPUR – Jerebu yang melanda negara sejak sebulan lalu tidak menjejaskan bekalan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing serta sayur-sayuran setakat ini.

Setiausaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, pengeluaran sayur-sayuran di tanah tinggi itu tidak terjejas.

“Tahap jerebu di kawasan ini mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara yang lebih baik berbanding di negeri lain,” katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Sementara itu, Pengerusi Gabungan Persatuan Penternak Ruminan Malaysia, Samad Kassim memberitahu, bekalan haiwan seperti kambing dan lembu masih seperti biasa.

“Bagaimanapun haiwan ternakan turut mengalami batuk dan tekanan akibat cuaca,” ujarnya.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Selangor, Datuk Ishak Mat Arif berkata, bekalan ayam di negeri ini pada masa ini terjejas sedikit kerana terdapat anak ayam dan ayam dewasa yang mati akibat jerebu.

IPU	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
301-400	Berbahaya
500	Darurat

Sumber: Jabatan Alam Sekitar